

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"

Fax No.: 088-234076, 236177

Tel. No.: 088-256744

Your Ref.: KKT&P: 100-4/16/()

Our Ref.:



**KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)**
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

06 November 2006

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Eksekutif
Majlis-Majlis Daerah,
Majlis Daerah Beaufort, Kuala Penyu, Papar, Tenom, Penampang, Tuaran,
Tambunan, Sipitang, Semporna, Keningau, Beluran, Kinabatangan, Kota Belud, Kota
Marudu, Kunak, Lahad Datu, Nabawan dan Ranau

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 8/2006 - TARIKH TERAKHIR
PENERIMAAN TUNTUTAN BAYARAN TAHUN 2006 YANG DIPROSES OLEH
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran oleh Kementerian ini untuk menyediakan baucar bayaran yang akan diproses oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 8 Tahun 2006 (Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2006), Akaun Kerajaan Negeri Sabah tahun 2006 akan ditutup pada 28 Februari 2007 untuk memenuhi kehendak Akauntan Negara Malaysia seperti yang terkandung dalam surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. I Tahun 2006. Oleh yang demikian untuk memenuhi kehendak ini, Jabatan Bendahari Negeri Sabah telah menetapkan semua baucar bayaran hendaklah disampaikan dipejabatnya sebelum atau pada **10 Januari 2007**.

PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Untuk mencapai matlamat yang tersebut dalam Perenggan 2 surat pekeliling ini dan untuk memastikan masa yang mencukupi untuk pemprosesan tuntutan bayaran di peringkat Kementerian ini, tarikh akhir adalah ditetapkan untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta semua PBT mengemukakan tuntutan bayaran seperti berikut:

PERBELANJAAN BAGI TEMPOH BAYARAN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN TUNTUTAN KE KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
<i>Perbelanjaan sehingga 30 November 2006</i>	<i>Sebelum 05 Disember 2006</i>
<i>Perbelanjaan untuk bulan Disember 2006</i>	<i>Sebelum 15 Disember 2006</i>

3.2 Tuntutan bayaran yang diserahkan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

4. PENUTUP

4.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan mematuhi surat pekeliling ini amatlah dihargai.

4.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang surat pekeliling ini, sila berhubung Akauntan Kanan Cik Phak Shiu Len melalui No. Telepon **088-256744**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH



[DATUK UJANG SULANI]
Setiausaha Tetap

s.k. AO 1
“ Sr. IR
“ PPK

 PSL/aa